

BERITA HARIAN

DATE: 31 / 10 / 2007

## PM terkejut diberi bunga

BH - 31 / 10 / 2007

**K**UANTAN: Majlis pelancaran Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di sini semalam, gempar apabila seorang gadis secara tiba-tiba naik ke pentas dan menghadiahkan setangkai bunga mawar kepada Perdana Menteri yang sedang berucap.

Terkejut dengan kehadiran gadis berbaju kurung dan bertudung hitam yang membawa beg kertas berwarna coklat itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terpaksa berhenti berucap selama kira-kira lima minit.

Perdana Menteri yang menyangka gadis berusia awal 20-an itu datang untuk membawa air minuman, terkejut apabila melihat setangkai mawar merah jambu diserahkan kepadanya.

Kejadian tidak diduga yang turut disiarkan secara langsung menerusi televisyen itu, pada awalnya tidak disedari lebih 15,000 orang ramai yang mendengar ucapan Perdana Menteri kerana menyangka ia sebahagian atur cara majlis, tetapi bertukar sebaliknya apabila Abdullah meminta gadis itu turun dari pentas.

"Kenapa bagi saya bunga, saya bukan penyanyi, tak apa lah... turun dulu," katanya menyebabkan orang ramai terpinga-pinga menyaksikan kejadian atas pentas utama yang turut disaksikan isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah.